


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025


PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Dwi-Tanggungjawab Wanita Bekerja: Menelusuri Konflik dan Keseimbangan Kerja-Keluarga

Ts Najwa Rawaida Binti Ahmad @ Ahmad Fauzi
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

Perkembangan sosioekonomi global pada abad ke-21 telah melakar semula landskap peranan wanita masa kini dengan anjakan paradigma yang signifikan dalam keluarga dan masyarakat. Dekad-dekad yang lalu menyaksikan peranan wanita yang terhad dalam lingkungan domestik sahaja; wanita sebagai ibu dan isteri bagi memastikan keharmonian rumahtangga dan mendidik anak-anak. landskap peranan wanita kini berubah, bukan sekadar menjadi ibu dan isteri di rumah tetapi juga berperanan sebagai pemain utama yang aktif dalam sektor pekerjaan, ekonomi dan kepimpinan negara. Peningkatan taraf pendidikan dan peluang kerjaya yang besar telah melonjakkan peranan wanita sehingga menjadi penyumbang kritikal kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pembangunan modal insan.



Namun begitu, disebalik pencapaian yang membanggakan ini, timbul pula dilema abadi yang sering membelenggu wanita moden yang bekerjaya. Dilema untuk mengutamakan keluarga atau kerjaya, atau sekurang-kurangnya mempunyai cara untuk mengimbangi antara kedua-duanya bukan sahaja menjadi topik perdebatan di meja perbincangan tetapi menjadi beban dalam hati setiap wanita bekerjaya. Oleh yang demikian, penulisan ini akan menyentuh evolusi peranan wanita masa kini, menelusuri punca-punca utama yang mendorong wanita untuk bekerjaya, menyenaraikan cabaran dalam menggalas dwitanggungjawab dalam dunia moden hari ini serta menganalisis strategi mapan yang boleh diadaptasikan bagi mencapai keseimbangan hidup yang sihat dan produktif.



Peranan wanita pada masa kini telah mengalami evolusi yang pesat dan signifikan, jauh berbeza jika dibandingkan dengan peranan wanita berdekad-dekad dahulu. Pada masa lalu, wanita berperanan sebagai isteri yang menjaga hal ehwal rumahtangga dan juga sebagai ibu yang berperanan mendidik dan membentuk anak-anak dari segi sahsiah, akidah, emosi dan intelek. Peranan wanita sebagai teras utama dalam keluarga merupakan sumbangan yang signifikan dan tidak boleh dipandang sebelah mata. Hari ini, wanita tetap dan masih menjalankan peranan sebagai ibu dan pendidik utama anak-anak di rumah. Wanita berperanan sebagai susuk yang paling berpengaruh dalam membentuk kemenjadian anak-anak dalam pelbagai aspek. Kejayaan sesebuah keluarga pula dilihat dan dinilai daripada kemenjadian anak-anak dan sering dikaitkan dengan peranan wanita sebagai ibu.

Ini membuktikan bahawa wanita yang bergelar ibu sangat berjasa dan penting dalam sesebuah keluarga. Wanita turut digelar sebagai 'Chief Operating Officer' (COO) dalam keluarga kerana berperanan menguruskan hal ehwal domestik, kewangan dan jadual ahli keluarga bagi memastikan kelancaran hidup ahli keluarga setiap hari. Peranan wanita sebagai teras utama tidak terhenti di situ kerana wanita juga

menjadi pembantu suami atau sebagai tulang belakang keluarga. Dalam konteks moden hari ini wanita bekerjaya juga berperanan sebagai penyumbang kepada kewangan keluarga untuk meringankan beban pasangan dan meningkatkan kualiti hidup kepada yang lebih baik.

Selain itu, wanita turut mempunyai peranan dalam kerjaya dan bertindak sebagai penyumbang signifikan kepada ekonomi negara sekaligus mempunyai peranan dwi-fungsi. Penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja telah meningkat secara mendadak seiring dengan kelayakan akademik dan peluang kerjaya yang luas telah membuktikan keupayaan mereka dalam pelbagai sektor antaranya tenaga kerja profesional dan kepimpinan seperti doktor, jurutera, usahawan sehingga pemimpin korporat dan ahli politik yang dahulunya didominasi oleh golongan lelaki. Sumbangan wanita sebagai usahawan terutamanya melalui Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) adalah kritikal kepada pembangunan ekonomi negara di mana kerajaan sentiasa mengiktiraf potensi wanita yang menyumbang berbilion ringgit kepada KDNK negara. Malah ramai usahawan dikalangan wanita memilih bidang digital dan perkhidmatan untuk mencapai fleksibiliti masa sambil menyumbang kepada pendapatan keluarga.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.